

CNS2933

R CB 12 09 00144 EB445

Bah

PM AJAK RAKYAT SARAWAK KEKAL DASAR POLITIK PEMBANGUNAN  
Mahathir Jalan Raya

MIRI, 12 Sept (Bernama) Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa rakyat Sarawak hendaklah mengekalkan dasar politik pembangunan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini.

Ini kerana dasar politik itu telah terbukti menguntungkan rakyat Sarawak dengan wujudnya pembangunan yang begitu pesat di negeri ini, katanya.

Beliau berkata, "Politik sedemikian bukan nak berkelahi ataupun menaikkan kaum sendiri, atau menjadi kaya sendiri, tetapi adalah untuk mempercepatkan pembangunan".

Beliau berkata demikian semasa melancarkan projek penurapan jalan sepanjang 19 km berharga \$5.5 juta, antara pekan Bekenu dan jalan utama Miri/Bintulu, kira-kira 70 km dari sini, petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan bercadang membina banyak lagi jalan di negara ini secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan bagi kemudahan rakyat. . . lagi

♥12/09/20 25MST

CNS2935

R CB 12 09 00113 EB446

Bah

Mahathir Jalan Raya 2 Miri

"Perdana Menteri berkata, rakyat yang tinggal di kawasan yang belum mempunyai jalan raya, hendaklah bersabar dan jangan mudah merasa kecewa lalu menuduh kerajaan tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan kita adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan telah membawa banyak pembangunan di negara ini, berbanding dengan sebelum negara mencapai kemerdekaan, tambahannya.

Beliau yakin Sarawak akan terus membangun dengan pesatnya kerana ia mempunyai banyak potensi untuk berbuat demikian.

Namun begitu, rakyat hendaklah berkerja keras menjayakan cita-cita untuk membawa negeri ini mencapai pembangunan yang diidam-idamkan, kata beliau.

Pada majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah disajikan dengan sejenis durian tempatan. . . lagi

♥12/09/20 27MST

CNS2936

R CB 12 09 00144 BB447

Bah

Mahathir Jalan Raya 3 Miri (Akhir)

Beliau yang begitu tertarik dengan rasanya yang sedap berkata, +Saya akan mengarahkan Mardi membuat penyelidikan bagi +mengkahwinkan+ durian ini dengan jenis durian lain untuk menghasilkan buah yang lebih sedap lagi+.

Durian itu, yang dikenali dengan nama tempatan +durian ukak+, agak kecil sedikit daripada durian jenis lain dan mempunyai warna kekuning kuningan.

Sebelum itu, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata kejayaan dasar politik pembangunan telah membawa negeri ini ke tahap yang tidak pernah diimpikan sebelum ini.

Katanya, dengan menyertai Malaysia, Sarawak bukan sahaja telah diberi latihan dalam bidang pembangunan, tetapi juga bantuan yang secukupnya daripada segi peruntukan.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali disambut meriah oleh kira kira 5,000 orang penduduk pekan itu dan kawasan sekitarnya. Bernama

12/09/20 20MST